

# Majlis Keagamaan BMR sempena Memperingati Hari Anti Rasuah Antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Mencegah Rasuah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 7 Disember. - Biro Mencegah Rasuah (BMR) mengadakan Majlis Keagamaan sempena Memperingati Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2017 yang diadakan pada 9 Disember setiap tahun.

Menurut Siaran Akhbar BMR, Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil diadakan di Kubah Makam Diraja khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan

Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Selain itu, BMR juga mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas dan Doa Kesukuran bertempat di Dewan Riadah, Ibu Pejabat BMR, Jalan Pembangunan, di ibu negara.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan), Jabatan Perdana Menteri, Datin Dayang Elinda binti Haji C. A. Mohamed serta pegawai-pegawai dan kakitangan BMR.

Bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Ratib Al-Attas dan Doa Kesukuran dipimpin dan diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud.



MAJLIS Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil yang diadakan di Kubah Makam Diraja khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Memperingati Hari Anti Rasuah Antarabangsa 2017.

## Peserta Perkhemahan Hijrah Mahabbah Illahi terima sijil

Siaran Akhbar dan Foto :  
Yayasan Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 7 Disember. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Perkhemahan Hijrah Mahabbah Illahi Ke-5 bertempat di Auditorium Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Sijil disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Menurut Siaran Akhbar YSHHB, acara itu turut diselanjurkan dengan Ceramah Motivasi 'Wanita Solehah' yang disampaikan oleh Pensyaroh Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Dr. Dayang Widat binti Haji Abdul Aziz.

Terdahulu, program selama empat hari itu, bermula 4 Disember lalu, dianjurkan oleh YSHHB tersebut, dikendalikan oleh Kumpulan Al-Qudwah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA bertempat di Kolej Kediaman Mahasiswa universiti berkenaan.

Program tersebut bertemakan 'Permata atau Kaca' disertai seramai 66 belia perempuan, berumur dari 15 - 18 tahun terdiri daripada para pelajar dari Sekolah YSHHB; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri; Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khatib; Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri



PENGARAH Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny (kiri) menyampaikan sijil kepada peserta program.

Pengiran Anak Hajah Saleha dan Sekolah Menengah Katok.

Ia bertujuan untuk meningkatkan keimanan dan jati diri para peserta melalui pendekatan Al-Quran dan As-Sunnah serta menanamkan sikap bertanggungjawab juga amanah, di samping menguji kemampuan dan ketahanan mental, emosi serta fizikal setiap peserta.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam program tersebut termasuklah ceramah motivasi, bengkel kerohanian, aktiviti kepimpinan, gotong - royong, sukan dan riadah.

Menyedari peranan golongan

belia dalam membimbing masyarakat ke arah kebaikan dan kesejahteraan, mereka perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan juga kemahiran dalam memikul tanggungjawab sebagai pewaris pemimpin pada masa akan datang.

YSHHB juga melaksanakan beberapa usaha dalam mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat dengan menyediakan berbagai-bagai skim juga program seperti program perkhemahan belia ini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal.



SETIAUSAHA Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan), Jabatan Perdana Menteri, Datin Dayang Elinda binti Haji C. A. Mohamed semasa hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas dan Doa Kesukuran bertempat di Dewan Riadah, Ibu Pejabat BMR, Jalan Pembangunan.

## Jepun bakal wujudkan Free and Open Indo - Pacific Strategy



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato (kiri) dan Member of the House of Representatives, Jabatan Perdana Menteri, Jepun, Kentaro Sonoura (kanan) ketika bergambar bersama pada Sidang Media tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 7 Disember. - Salah satu penyelesaian untuk kestabilan dan kemakmuran masyarakat antarabangsa adalah untuk mencapai dua buah benua dan lautan yang dinamik dengan menggabungkan di bawah Strategi Dasar Luar Baharu : *Free and Open Indo - Pacific Strategy*.

Strategi baharu tersebut akan menyaksikan gabungan di antara benua Asia yang kini tumbuh dengan pesat bersama benua Afrika yang mempunyai potensi untuk pertumbuhan serta gabungan di antara Lautan Pasifik dan Lautan Hindi.

Perkara itu digariskan oleh Member of the House of Representatives, Jabatan Perdana Menteri, Jepun, Kentaro Sonoura pada Sidang Media mengenai Strategi Dasar Luar Baharu : *Free and Open Indo - Pacific Strategy* di Kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato di Kampung Sungai Tilong, di sini.

Jelasnya, kerjasama di antara negara-negara ASEAN, Jepun, Amerika Syarikat, India, Australia dan negara-negara Eropah tersebut akan memfokuskan dalam meningkatkan lagi kesedaran keselamatan serta bantuan dalam bidang bantuan kemanusiaan juga bencana.

Ia juga akan meningkatkan lagi kesalinghubungan di Asia Tenggara melalui pembangunan infrastruktur seperti pelabuhan dan landasan kereta api, selain mengukuhkan perkongsian ekonomi (termasuk perjanjian pelaburan) serta meningkatkan persekitaran syarikat.

"Dalam lima tahun yang akan datang, banyak negara akan berkerjasama di bawah infrastruktur yang dibangunkan yang akan menyaksikan pertukaran barang yang boleh membawa pada kemakmuran ekonomi setiap negara," tambahnya lagi.

Juga hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, TYT Motohiko Kato dan Pengarah Bahagian Asia Tenggara Kedua, Shingo Miyamoto.